

Dasar agensi bangunkan pertanian dikaji semula

BANDAR PUSAT JENGA 28 Nov. — Dasar agensi-agensi pembangunan pertanian yang bertekankan pembukaan tanah akan dikaji semula untuk diselaraskan dengan keperluan sebuah negara industri, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bagi memenuhi keperluan itu, pendekatan yang sesuai sedang dirangka dengan menekankan satu dasar baru yang lebih menguntungkan petani.

Sambil memberitahu, kajian tersebut akan disiapkan secepat mungkin, beliau menjelaskan, rangka dasar baru itu meliputi pelbagai cadangan mengindustrikan sektor pertanian.

"Mungkin kita akan swasta atau mencantumkan (agensi terlibat).

Mungkin juga diubahsuai kepada dasar perindustrian melibatkan semua jenis pertanian termasuk penanam padi dan nelayan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Desa Wawasan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar di stadium mini di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, dasar agensi-agensi yang ditubuhkan pada tahun 1950-an dan 60-an sudah tidak sesuai digunakan ketika Malaysia sedang bergiat langsung dalam bidang perindustrian.

"Semua agensi ditubuhkan sejak merdeka dulu... pada waktu itu pendapatan petani terhadap, dasar terbaik ketika itu ialah pembukaan tanah.

"Kini kita sudah menja-

di negara industri, banyak peluang kerja didapati dengan pendapatan yang lebih. Sebab itulah bilangan pekerja di sektor pertanian kini tidak ramai," katanya.

Tambah beliau, pada waktu negara kini sedang menuju era perindustrian, kerajaan masih lagi memerlukan sektor pertanian.

"Kita akan cari apa saja pendekatan yang menguntungkan petani. Kita tidak mahu mereka menjadi mangsa ketika orang lain memperoleh pendapatan yang lebih."

"Kita tidak mahu menjadikan petani sebagai mangsa iaitu kerana orang lain dapat pendapatan yang lebih," katanya.

Mengenai isu 'amaran' beberapa kerajaan negeri ingin menarik balik tanah

rancangan yang dimajukan oleh FELDA, Perdana Menteri berkata, terdapat salah faham dalam permasalahan itu.

"Bukan dia orang berhasrat menarik balik, mereka berasa kecewa dengan beberapa aspek, kita sedang kaji perkara ini. Kita tidak salahkan sesiapa, sama ada kerajaan negeri, FELDA atau penroka.

"Kita sedar ada beberapa aspek yang kurang disenangi oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dan perkara ini sedang dikaji," tambahnya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menegaskan, setakat ini belum ada mana-mana negeri yang mengambil tindakan untuk menarik balik tanah rancangan yang dimajukan oleh FELDA.